

D639

UB400 A A B
MAHATHIR - KOREA RRR

MELAKA, 3 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMADHARI INIMENAFIKAN KHABAR ANGIN KONONNYA BELIAU AKAN MEMBATALKAN LAWATANNYA KE KOREA SELATANMINGGU DEPAN BAGIMENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK AKAN MENGABAIKANTUGASDI LUAR NEGARA MESKIPUN BELIAU MEMPUNYAIBANYAK KERJAYANG PERLU DILAKUKAN DI DALAM NEGERI.

+PENDEK KATA,SAYA TIDAK AKAN BEREHAT. KALAU SAYA ADA BANYAK KERJA DALAM NEGARAMUNGKINSAYA TIDAK AKAN KE LUAR NEGARA TETAPI HANYA KERANA SAYA ADA BANYAK KERJA DALAM NEGARA, IA TIDAK BERMAKNA PILIHAN RAYAUUMUM AKAN DIADAKAN TIDAK LAMALAGI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP PADA PERHIMPUNAN DI PUSATY EKSP0 DI AIR KEROH DEKAT SINI.

MENURUTNYA, BELIAU AKAN MENERUSKAN LAWATAN KE NEGERI-NEGERI UNTUK MEMBERI PENJELASAN KEPADA PEMIMPIN UMNO DAN BARISAN NASIONAL SEKEMBALINYADARI KOREA KELAK.

BAGAIMANAPUN,PERDANA MENTERI BERKAT'A 'BELIAU BELUM PASTI SAMA ADA AKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) YANG DIJADUALKAN BERLANGSUNG PADA OKTOBER, SAMBIL MENAMBAH BELIAU AKAN PERGI JIKA PERLU. -- LAGI

2013MST 03 09 90

UB406 A A B
MAHATHIR - KOREA 2 MELAKARRR a

+KALAU SAYA BERPENDAPAT SAYA PERLU PERGI,SAYA AKAN PERGI. KALAU SAYA BERPENDAPAT SAYA PERLU BERADA DALAM NEGARA KERANA MEMBUAT KERJA-KERJA DALAM NEGERI,SAYA TIDAK AKAN PERGI.ITU BELUM SAYA TENTUKAN LAGI.

+JADI ORANG TIDAK BOLEH BUAT RAMALAN APA-APA.KALAU SAYA PER 61 PUN, BOLEH JADI APABILA SAYA BALIK,SAYA AKAN ADAKAN PILIHAN RAYA,+ KATA BELIAU.

KATANYA BELIAU TENTULAH AKAN MENGUTAMAKAN MASALAH DALAM NEGARA DARIPADA MASALAH DILUAR NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA ADA PIHAK YANG MERAMALKAN BAHAWA DEWAN RAKYAT AKAN DIBUBARKAN HARI INI MANAKALA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN PADA 13 SEPT, DAN SEORANG PERDANA MENTERI BARU AKAN DIISYTIHARKAN KEESOKANNYA.

MENGENAI SIRI LAWATANNYA, BELIAU BERKATA IA TIDAK MENJEJAS PRESTASI KERJA RAKYAT, MALAHAN EKONOMI NEGARA TERUS TUMBUH DENGAN LAPORAN MENYATAKAN BAHAWA IA AKAN MENCAPAI PERTUMBUHAN DUA ANGKA. -- LAGI

U 8412 AAB
MAHATHIR - KOREA 3 MELAKA

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELLAU TIDAK BIMBANG MENGENAI KESIHATANNYA, KERANA MENURUTNYA, BELIAU SENTIASA MENJAGA KESIHATAN DI SAMPING PERHATIAN BERAT ISTERINYA, YANG JUGA SEORANG DOKTOR.

DITANYA MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU BERHUBUNG USAHA KERAJAAN UNTUK MENJEMPUT KUMPULAN PEHERHATI PILIHAN RAYA KOMANWEL, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TELAH PUN MENULIS SURAT KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN MEREKA BERHUBUNG CADANGAN ITU TETAPI BELUM MENERIMA JAWAPAN.

+KITA TELAH MENULIS SURAT KEPADA PARTI PEMBANGKANG MELALUI (SETIAUSAHA AGUNG PARTI SEMANGAT 46) DATUK HAJI SUHAIMI (KAMARUDDIN) YANG MENDAKWA DIRINYA MEWAKILI PARTI-PARTI PEMBANGKANG, BERTANYA SAMA ADA MEREKA BERSETUJU ATAU TIDAK UNTUK MEHANGGIL PEMERHATI DARI NEGARA-NEGARA KOMANWEL. SETAKAT INISAYA TIDAK TERIMA APA-APA JAWAPAN.+

DALAM UCAPANNYA KEPADA PERHIMPUNAN ITU, PERDANA MENTERI MENGAJAK RAKYAT SUPAYA BERSATU TENAGA UNTUK MELENYAPKAN RIWAYAT POLITIK PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

KATANYA TENGKU RAZALEIGH TELAH MENGELUARKAN KENYATAAN BERCANGGAH MENGENAI BAKAL KETUA MENTERI PULAU PINANG SEMASA BERCAKAP KEPADA PAS DAN DAP. -- LAGI

2105MST 03 09 90

PERHATIAN EDITOR : PEMBETULAN RRR

DALAH BERITA B413, BERTAJUK +MAHATHIR - KOREA 4 MELAKA+, HARAP BACA PARA DUA SEBAGAI IMP (INDEPENDENCE OF MALAYA PARTY) DAN BUKAN (ISLAMIC MALAYAN PARTY)...

BERIKUT IALAH ULANGAN DENGAN PEMBETULAN:
MAHATHIR - KOREA 4 MELAKA

MENURUTNYA, PEMIMPIN SEMANGAT 46 ITU BERJANJI KEPADA PAS UNTUK MELANTIK SEORANG MELAYU UNTUK MENJADI KETUA MENTERI PULAU PINANG MANAKALA KEPADA DAP PULA, TENGKU RAZALEIGH BERJANJI AKAN MEMBERIKAN JAWATAN ITU KEPADA SEORANG CINA.

TAMBAHNYA, TENGKU RAZALEIGH KINISANGGUP MEMBUAT PELBAGAI JANJI KEPADA RAKYAT KERANA BIMBANG PENGARUH SEMANGAT 46 AKAN LUPUT SEPERTI YANG BERLAKU TERHADAP PARTI NEGARA DAN IMP (INDEPENDENCE OF MALAYA PARTY) SUATU KETIKA DAHULU.

TENGGAH HARI TADI, PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA SERTA ROMBONGANNYA YANG TERDIRI DARIPADA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BN MAKAN TENGAH HARI DAN MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN BN NEGERI DI KEDIAMAN RASMI KETUA MENTERI, +SERIBENDAHARA+.

SESUDAH ITU, BELIAU MERASMIKAN PANGSAPURI SERI SIANTAN BERHARGA KIRA-KIRA \$10.4 JUTA DI BUKIT BARU DI SINI.

DALAH UCAPANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT HARUS BERBANGGA TERHADAP NEGARA INI YANG KINI LEBIH CANTIK DAN MAJU BERBANDING MASA LEPAS.

MENURUTNYA, REKABENTUK RUMAH KEDIAMAN DI NEGARA INI KINI SETANDING DENGAN REKABENTUK YANG INDAH SEPERTI YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA MAJU.

YANG TURUT SERTA DALAM ROMBONGAN PERDANA MENTERI IALAH PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU, PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAİK, KETUA HENTERI SARAWAK TAN SRI ABDUL TAIB MAHMUD YANG JUGA PRESIDEN PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU SARAWAK (PBB), PRESIDEN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK DATUK LEO MOGGIE DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK MOHAMED RAHMAT. -- BERNAMA

2119MST 03 09 90